

**TAKHTA SUCI:** Dunia dan Gereja Katolik harus menghormati dan membela wanita serta menumbuhkan kepedulian keibuan terhadap orang lain untuk mengakhiri lingkaran kekerasan yang tidak manusiawi, kata Sri Paus Fransiskus.

“Gereja memerlukan Bonda Maria untuk memulihkan wajah femininnya, untuk lebih menyerupai wanita, perawan dan ibu, yang menjadi teladan dan gambaran sempurna, memberi ruang bagi kaum wanita dan menjadi ‘generatif’ melalui pelayanan pastoral yang ditandai dengan kepedulian dan perhatian,” kata Sri Paus Fransiskus semasa memimpin Misa di Basilika Santo Petrus untuk Pesta Santa Maria, Bonda Tuhan dan Hari Perdamaian Sedunia pada Januari 1, 2024.

“Dunia ini perlu bergantung pada ibu dan wanita untuk menemukan kedamaian, keluar dari lingkaran kekerasan dan kebencian, dan sekali lagi melihat segala sesuatunya dengan mata dan hati manusiawi.”

Dalam homilinya, Bapa Suci Fransiskus menyeru semua masyarakat untuk “menerima anugerah iaitu setiap wanita” dan “menghormati, membela dan menghargai wanita dengan kesedaran bahawa siapa pun yang menyakiti seorang wanita, adalah menghina nama Tuhan, yang lahir dari seorang wanita.

Misa Kudus tersebut meraikan Hari Perdamaian Sedunia ke-57 yang dirayakan oleh Gereja. Pesan Bapa Suci pada hari itu, yang telah diterbitkan pada Disember, 2023, menumpukan pada kecerdasan buatan dan perdamaian.

Setelah mendaraskan Doa Angelus selepas Misa di Dataran Santo Petrus, Sri Paus Fransiskus mengatakan beliau mengikuti “dengan prihatin” situasi di Nicaragua, di mana “kebebasan para uskup (dan) paderi telah dirampas.”

Seorang uskup dan 12 orang paderi telah ditangkap oleh penguasa Nicaragua sejak pertengahan Disember; Uskup Matagalpa iaitu Msgr Rolando Álvarez dijatuhi hukuman 26 tahun penjara pada Februari, 2023. Puluhan paderi lain telah diasingkan dan anggota ordo keagamaan diusir dari negara tersebut.

Kardinal Pietro Parolin, Setiausaha Negara Vatikan, menjadi selebran utama di altar tersebut dan didampingi oleh Kardinal Michael Czerny, prefek Dikasteri untuk Mempromosikan Pembangunan



## Dunia perlukan Bonda Maria

Manusia Integral, dan Uskup Agung Paul Gallagher, menteri luar negara Vatikan.

Dalam homilinya, Sri Paus meminta umat untuk melihat ikon “lembut” dari ibu yang “menjaga kita dan dekat dengan kita.”

Dalam homilinya, Sri Paus Fransiskus juga mengenang bagaimana ketika Bonda Maria mengetahui bahawa anggur telah habis semasa pesta perkahwinan di Kana dan meminta Yesus untuk campur tangan,

Maria “mengetahui keperluan kita” dan “bersyafaat untuk membuat rahmat melimpah dalam hidup kita serta membimbing kita menuju pemenuhan hidup yang autentik.”

“Saudara-saudari, kita semua mempunyai kekurangan, masa-masa kesepian, kekosongan batin yang menuntut untuk diisi,” ujarnya.

“Siapakah yang dapat melakukan hal itu jika bukan Santa Maria, Bonda yang sering

memenuhi permintaan kita?”

“Apabila kita tergoda untuk mementingkan diri, marilah kita mengalihkan perhatian dan berlari kepada Bonda. Apabila kita tidak mampu lagi melepaskan ikatan dalam hidup kita, marilah kita berlindung padanya,” kata Sri Paus.

Prelatus itu menambah, “apabila ada kekacauan, diperlukan seorang ibu yang dapat menyatukan kembali keluarga manusia.” — *media Vatikan*



Kanak-kanak pelarian menghadapi risiko kesihatan dan kurang nutrisi akibat konflik berlarutan di Myanmar. (Gambar: LiCas News)

## Enam juta kanak-kanak Myanmar hidup melarat, kurang makanan akibat konflik berlarutan dalam negara

YANGON: Ketika konflik berkecamuk di negeri Chin, salah sebuah negeri di barat laut Myanmar, seorang ibu yang tinggal di kawasan konflik bergelut untuk mencari makanan dan ubat untuk anak-anaknya.

“Apabila berlaku pergaduhan seperti ini, saya bimbang anak-anak saya akan dcederakan,” katanya kepada *Radio Free Asia* Burma (RFA) yang tidak mahu namanya disiarkan.

“Walaupun anda mempunyai wang, anda tidak dapat membeli apa-apa kerana jalan raya disekat. Sebab itu saya bimbang dengan kesihatan anak-anak saya,” kata ibu itu.

Pejabat PBB untuk Penyelarasan Hal Ehwal Kemanusiaan, atau OCHA menyatakan sejak rampasan junta terhadap kerajaan Myanmar pada Februari 2021, enam juta kanak-kanak terganggu dari segi ma-

kanan, kesihatan, perlindungan dan pendidikan.

Dalam cadangan dana kemanusiaan UNOCHA untuk 2024 yang dikeluarkan pada Disember 11, menyatakan bahawa \$994 juta diperlukan untuk membantu 5.3 juta penduduk Myanmar yang memerlukan makanan, air bersih, tempat tinggal, penjagaan kesihatan dan perlindungan. — *licas.news*

# Khazanah buku yang baik untuk dibaca

Terdapat beribu-ribu buku baharu yang diterbitkan setiap tahun dan buku-buku ini menyertai berjuta-juta buku yang telah pun dicetak.

Oleh itu, buku perlu mencari anda sama seperti anda perlu mencarinya.

Ada juga yang mengatakan bahawa buku yang perlu anda baca akan menemui anda pada masa yang paling anda perlukan. Atas sebab ini, izinkan saya menyenaraikan sepuluh buku terbaik yang “menemui” saya pada tahun 2023:

*Dalam bidang kerohanian ...*

● **Tomas Halik**, *Touch the Wounds – On Suffering, Trust, & Transformation (Menyentuh Luka – Mengenai Penderitaan, Kepercayaan, & Transformasi)*, memetik gambaran alkitabiah tentang Yesus yang menjemput rasul Thomas untuk menyentuh lukanya agar imannya yang lemah, menjadi kuat.

Halik menggunakan gambaran ini sebagai jemputan universal bagi setiap kita. Adakah anda mempunyai keraguan iman?

Halik melalui buku ini mengajak kita untuk menjangkau dan menyentuh tempat-tempat terluka kita bersama Kristus.

● **Karl Rahner**, *Servants of the Lord (Hamba Tuhan)*. Buku ini berusia lebih daripada lima puluh tahun tetapi patut dibaca dan dibaca semula. Dalam salah satu esei dalam buku ini, Rahner menulis sebuah pepatah yang menjadi terkenal: “*Dalam keresahan kerana keterbatasan kita untuk mencapai semua yang kita inginkan, kita belajar bahawa pada akhirnya tidak ada simfoni yang selesai dala kehidupan ini.*”

● **Bill Cain**, *The Book of Cain (Kitab Kain)*. Ini adalah buku yang sangat peribadi yang ditulis

oleh seorang lelaki, juga seorang Yesuit, yang menyimpan jurnal semasa dia menjaga ibunya yang sedang nazak kerana penyakit yang tidak dapat disembuhkan lagi. Buku ini penuh dengan renungan yang menyentuh tentang kehidupan, cinta, ketidaksempurnaan, dan melepaskan sesuatu atau perkara.

● **Ben McBride**, *Troubling the Water – The Urgent Work of Radical Belonging (Keresahan – Karya Terdesak Kepunyaan Radikal)*. Ini adalah buku tentang keadilan sosial yang paling saya cadangkan untuk dibaca tahun ini.

McBride bekerja di kalangan orang miskin di Oakland, California, dan beliau menyatakan beberapa cadangan praktikal tentang bagaimana setiap daripada kita boleh menjadi lebih terlibat dalam kerja-kerja keadilan.

Kekuatan besar buku ini adalah ajakannya untuk kita mengubah hati dan sikap untuk bekerja demi keadilan.

Beliau memberikan beberapa pandangan praktikal untuk bekerja dengan komuniti berbanding hidup sendirian, dan tentang bagaimana mengekalkan diri anda untuk terus bekerja demi keadilan serta kekal empati dalam jangka masa panjang ketika menghadapi tentangan dan kebencian.

● **Connie Zweig's**, *The Inner Work of Age – Shifting from Role to Soul (Perjalanan Batin Usia – Beralih daripada Peranan kepada Jiwa)*, adalah buku yang sangat baik tentang penuaan.

Intipatinya ialah penulis ingin mengatakan bahawa, “tugas dalam penuaan adalah untuk beralih daripada peranan kepada jiwa.”

● **Kim Colella**, *Spirit Embraced, As A Guiding Memoir for a Life Authentic (Mengenggam Semangat, sebagai Panduan Memoir*



*Buku yang baik akan menemui anda pada masa yang paling anda perlukan.*

*untuk Kehidupan yang Sejati*). Ini adalah buku yang sangat peribadi, memoir, yang mengesankan perjalanan hidupnya sendiri.

Bagaimana seseorang itu menjadi matang?

Kita mempunyai laluan sendiri dan Colella berkongsi pengalaman yang dilaluinya dan banyak yang boleh kita pelajari dengan membaca buku ini.

Saya juga bangga untuk mengatakan bahawa dia adalah bekas pelajar saya.

*Buku-buku dalam bidang akademik*

● **Brian Swimme**, *Cosmogenesis, An Unveiling of the Expanding Universe. Leaning on great theological thinkers (Kosmogenesis, Pendedahan Alam Semesta yang Berkembang. Merujuk kepada pemikir-pemikir teologi yang hebat)*.

Mengambil penjelasan daripada pemikir-pemikir teologi yang hebat (seperti Pierre Teilhard de Chardin dan Thomas Berry) Swimme (yang merupakan seorang saintis) mencadangkan visi yang menggabungkan bagaimana alam semesta kita bermula,

bagaimana ia terpesong dari segi evolusinya yang berterusan, dan bagaimana semua ini berlaku.

Astrofizik kontemporari dan Alkitab boleh “berkawan” antara satu sama lain. Brian Swimme akan memberi penerangan yang memuaskan.

● **Philip Sheldrake**, *Julian of Norwich: In God's Sight – Her Theology in Context (Julian dari Norwich: Dalam pandangan Tuhan – Teologi Julian dalam konteks)*. Buku ini agak berat dari segi akademik, tetapi ia adalah buku teks kelas pertama mengenai Julian dari Norwich.

● **Lisabeth Doring**, *The Chastity Plot (Kisah Kesucian)*. Ini adalah sejarah cemerlang (dan pada dasarnya sangat adil) tentang konsep kesucian dalam budaya Barat.

Bermula pada akar estetika agama Kristian, melalui akar sosialnya dalam abad perkahwinan yang diatur di mana wanita sering menjadi mangsa patriarki kemudian melalui akar romantik era Victoria England, buku ini menyerlahkan pelbagai nuansa dan modaliti kesucian — dan meninggalkan kita dengan soalan:

Adakah sesiapa hari ini dapat menyebut perkataan kesucian tanpa rasa keberatan?

*Novel ...*

Tahun 2023 bukanlah tahun yang baik untuk saya dari segi membaca novel. Walaupun saya membaca beberapa novel, yang semuanya mendapat ulasan yang baik, hanya satu daripadanya yang amat menonjol bagi saya, **Barbara Kingsolver**, *Unsheltered*.

*Beberapa karya lain ...*

Sarjana kitab suci terkenal, **Raymond E. Brown** menulis karya monumental mengenai kelahiran dan kematian Yesus. Para editor di *Worship*, menyedari bahawa ulasan hebat ini tidak dapat diakses oleh orang-orang di luar arena akademik. Oleh itu, Brown diminta untuk meringkaskannya menjadi satu siri buku kecil pendek dan popular.

Brown meninggalkan kita lima buku popular pendek (semuanya diterbitkan oleh *Liturgical Press*) yang mengandungi pandangan mendalam beliau.

● *Coming Christ in Advent* (Kedatangan Kristus dalam Adven)

● *An Adult Christ at Christmas* (Kristus dewasa pada hari Krismas)

● *A Crucified Christ in Holy Week, Essays on the Four Passion Narratives* (Kristus yang Disalibkan pada Minggu Suci, Esei mengenai Empat Narasi Sengsara Salib)

● *A Risen Christ at Eastertide* (Kristus yang Bangkit pada hari Paskah)

● *A Once and Coming Spirit at Pentecost* (Kedatangan perdana Roh Kudus pada hari Pentakosta)

Buku-buku ini umpama harta karun, patut dibaca semula setiap tahun pada musim yang sesuai. — **Hakcipta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser**

## Apakah yang kamu cari?

Dalam pembacaan hari ini, kita mendengar kisah panggilan Samuel (bacaan pertama) dan Andreas serta Simon Petrus saudaranya (Injil Yoh 1:35-42).

Membaca kisah panggilan ini mengingatkan saya akan kisah bapa saya, ketika beliau ditangkap oleh askar Jepun (1942) bersama beberapa guru Katolik dan paderi Katolik, juga misionari Belanda serta beberapa paderi Indonesia.

Mereka dimasukkan ke penjara kerana iman. Bapa saya meninggal di penjara.

Saya mendengar daripada ibu saya kata-kata ayah yang disampaikan olehnya kepada ibu, “Hanya apabila kita hidup dan melakukan tugas kewajiban kita dengan masalah-masalahnya, keberhasilan dan kegagalan, pengalaman dan kebingungan hidup menurut ajaran Kristus sepenuhnya, dengan demikianlah kita dapat menjadi murid Kristus dan orang Katolik sejati!”

Nabi Samuel mahupun Rasul

Rasul Andreas dan Simon Petrus mengalami tuntutan dan menghayati syarat pemuridan Yesus itu dalam hidup mereka.

Eli, seorang imam Perjanjian Lama, yang berusia lanjut dan hampir buta, sangat prihatin kerana anak-anaknya yang adalah juga imam, tidak setia kepada Tuhan dalam tugas mereka.

Ketika mendekati akhir tugas imamatnya itu, Tuhan memanggil Samuel, untuk mengganti dan memulakan tempoh baharu untuk tugas imamatnya.

Tetapi Samuel memerlukan pertolongan untuk mengenal panggilannya. Eli yang berusia lanjut menolong Samuel mendengarkan suara Tuhan.

Dan ketika tahu dan yakin, bahawa Tuhanlah yang memanggil dirinya, Samuel menerima panggilannya lalu menjadi nabi agung, yang membimbing umat Tuhan dalam arah dan gerak hidupnya sesuai dengan kehendak-Nya.

Apa pesan kisah Samuel ini

bagi kita? Bila kita menghadap Tuhan dalam doa dan mendengarkan sabda-Nya, dalam lubuk hati kita yang paling dalam kita harus berdoa: “*Bersabdalah, ya Tuhan, hamba-Mu ini mendengarkan.*” Jangan sampai doa kita itu berubah menjadi, “*Dengarkanlah, ya Tuhan, hamba-Mu mahu berbicara!*”

Gereja, iaitu kita semua, harus sungguh menjadi umat Tuhan yang mendengarkan. Sebab kita adalah umat yang beriman.

Dan beriman bererti selalu mahu mendengarkan suara atau sabda Tuhan. Iman yang tidak mendengarkan, bukanlah iman sesungguhnya!

Peristiwa berlakunya pertentangan, kekerasan, ketidakadilan, kemiskinan, penyelewengan dan pelbagai masalah lain dalam masyarakat, keluarga dan komuniti, semua itu pada dasarnya disebabkan oleh keengganan mendengarkan orang lain.

Betapa buruknya sikap orang beriman, yang tak mahu menden-

## HARI MINGGU BIASA DUA TAHUN B

1 SAMUEL 3:3B-10.19;  
1 KORINTUS 6:13C-15A.17-20;  
INJIL YOHANES 1:35-42;

garkan sabda Tuhan!

Tuhan bersabda, dan Gereja meneruskan sabda-Nya itu. Tetapi Tuhan bukan hanya bersabda. Tuhan juga mendengarkan manusia, khususnya mendengarkan orang-orang yang jujur, tulus, adil, dan teristimewa kaum yatim piatu, balu, janda, golongan terabai, kaum kecil, mereka yang menderita. Mereka yang tidak punya suara! Itulah tugas panggilan Gereja, iaitu kita semua!

Dalam Injil hari ini Yesus bertanya, “Apakah yang kamu cari?” Jawaban mereka, “Rabi, di manakah Engkau tinggal?”

Dalam bahasa alkitabiah Yohanes, istilah “tinggal” mempunyai erti mendalam.

Ertinya, murid-murid-Nya itu ingin mengetahui dan mengalami

kehidupan pribadi Yesus.

Maka jawaban Yesus: “Marilah, datanglah dan lihatlah.”

Untuk mengenal Yesus mereka harus mengikuti Dia! Andreas memenuhi undangan Yesus, dan sesudah tinggal bersama Yesus, Andreas bertemu dengan Simon Petrus saudaranya dan berkata, “Kami telah menemukan Mesias!” Lalu Andreas membawa Simon Petrus kepada Yesus.

Seperti Andreas dan Simon Petrus, dipanggil menjadi murid-murid Yesus. Dan syarat menjadi murid Yesus ialah bersedia mendengarkan ajaran Yesus dan dipanggil untuk hidup serta berbuat sesuai dengan ajaran-Nya itu. — **Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm, imankatolik**

# Merayakan Natal bersama tahanan

NEGERI SEMBILAN: Pelayan untuk para penghuni Penjara Seremban telah menganjurkan Misa Krismas di premis Penjara Seremban baru-baru ini.

Misa Kudus dipimpin oleh Fr Bonaventure Rayappan dan Fr Albet Arockiasamy yang bertujuan membawa sukacita Natal kepada mereka yang ditahan.

Sebelum Misa, paderi memberikan Sakramen Pengakuan kepada tahanan Katolik dan kaunseling peribadi bagi mereka yang memerlukan nasihat serta bimbingan. Inisiatif ini bukan sahaja menekankan aspek keagamaan tetapi juga kesejahteraan holistik para banduan.

Semasa Misa, Fr Albet menggesa semua yang hadirin untuk mengenal Sang Juruselamat, memaknai erti penebusan dan kembali ke jalan yang benar.

Menggunakan analogi bagi menjelaskan homilinya, paderi itu menyamakan seseorang individu dengan paku bengkok dan berkarat tetapi apabila diluruskan dan digilap, ia boleh digunakan semula.

Fr Albet menekankan kuasa transformatif pengampunan dan penebusan, mengingatkan semua orang tentang keupayaan mereka untuk menuntut kembali maruah yang hilang melalui pertobatan, yang diinspirasikan oleh tindakan



Misa Natal bersama tahanan memberi harapan dan ajakan untuk pertobatan.

penebusan Kristus.

Selepas Misa, sesi persahabatan diadakan oleh Sdra David Allymuthu untuk acara makan bersama. Para tahanan berkesempatan menjamu selera dengan hidangan nasi briyani ayam, biskut, dan minuman ringan.

Sementara itu, pada hari yang sama di pusat tahanan yang lain, Fr Xavier Andrew

memimpin Misa untuk banduan di penjara Jelebu.

Fr Christopher Soosaipillai membuat lawatan dan memimpin Misa untuk banduan di Mantin.

Misa Krismas untuk banduan bukan sahaja memberikan santapan rohani tetapi juga memberi harapan serta semangat positif untuk para tahanan.

# Perkahwinan: Sebuah misi cinta

SANDAKAN: “Sebuah Misi Cinta” dan “Dialog Menjadi Satu” merupakan antara sesi yang disampaikan kepada para peserta Kursus Pra-Perkahwinan pada Disember 2-3 lalu di Gereja St Mark.

Kursus yang dianjurkan oleh Komiti Pelayanan Hidup Keluarga tersebut menjemput ramai pasangan suami isteri berpengalaman, bagi menyampaikan sesi.



Pasangan penceramah menunjukkan cara menyarungkan cincin dalam perkahwinan Katolik.

Kursus dimulai dengan Doa Pembukaan dan Pentakhtaan Kitab Suci diikuti pencerangan singkat tentang perjalanan kursus.

Buku “Cinta Bijak” diperkenalkan dalam kursus tersebut. Ia mempunyai soalan-soalan renungan untuk dijawab oleh para pasangan.

Antara topik lain yang disampaikan dalam kursus ini ialah “Mengenali Aku, Mengenali Mu” dan “Kesatuan dalam Pengurusan Kewangan” serta “Membina Kesatuan” dan “Seks: Pelukan Mesra Yang Suci”.

Para pasangan juga diingatkan bahawa ajaran Gereja Katolik amat menghormati martabat manusia maka itulah pasangan diperkenalkan kepada “Pengurusan Kesuburan Semulajadi” bagi mencegah penggunaan ubat-ubatan atau alat kontrasepsi yang bertentangan dengan ajaran Gereja. — *Mimi Yong Meng Mee*

## Berlari sukaria untuk kesihatan dan amal



KOTA PADAWAN, Sarawak: Acara *St Ann's Fun Run* julung kali untuk menghimpunkan umat St Ann agar sama-sama mengamalkan gaya hidup sihat dan juga untuk mengumpulkan dana bagi pembinaan kawasan parkir baharu.

Larian Sukaria ini merupakan julung kali diadakan dan mendapat penyertaan lebih 800 peserta.

Ada juga umat yang turut bersama menyertai larian sebagai satu keluarga besar St Ann.

Sebelum memulakan larian tersebut, acara dimulakan dengan senaman bersama

seawal jam 6.00 pagi di ruang hadapan foyer gereja.

Upacara melepaskan peserta telah dilakukan oleh Rektor Paroki, Friar Don Don Ramirez OFM bersama para paderi pembantu St Ann iaitu Friar David Au OFM dan Friar Joseph Lee OFM.

Jarak larian tersebut sejauh lima kilometer yang merangkumi kawasan sekitar Batu 10 dan Jalan Landeh.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan buat semua ahli Jawatankuasa penganjur, umat yang menyertai larian dan semua yang terlibat.

## Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

**HERALD**  
5, Jalan Robertson,  
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:  
liza@herald.com.my

## Mengapa Misa bermula dengan perarakan?

Perarakan masuk adalah sangat simbolik, mengingatkan kita bahawa hidup kita di dunia ini adalah ziarah menuju ke kerajaan Syurga.

Dalam Ritus Gereja Katolik Romawi, Misa biasanya bermula dengan perarakan, sama ada ia bermula dari pintu masuk Gereja atau sakristi. Perarakan ini mempunyai elemen rohani.

Semasa beberapa abad pertama selepas agama Kristian diterima di Roma, Sri Paus kerap berkumpul dengan kawan-kawannya di pelbagai tempat di bandar dan kemudian berarak ke Gereja.

*The Catholic Encyclopedia* memberi penerangan ringkas tentang versi awal perarakan ini.

Sri Paus, paderi, dan orang ramai berkumpul di Gereja tertentu, di mana paderi diberi hak dan jabatannya bermula .... Ketika perarakan itu bergerak ke Gereja di mana Misa akan diadakan, *Kyrie Eleison* dan litani dinyanyikan, dan perarakan itu sendiri sering dipanggil litania.

Ia juga sering dipanggil “perarakan pertobatan” (*penitential procession*) dan digunakan sebagai satu cara untuk mempersiapkan hati bagi mereka yang akan mengambil bahagian dalam Misa.

Pergerakan fizikal yang bergerak dari satu tempat ke tempat lain memberi peluang kepada umat beriman untuk “melarikan diri” dari dunia mereka dan memasuki ke dalam sesuatu yang sangat khusyuk dan spritual.

Walaupun perarakan ini dipendekkan setelah melalui abad demi abad, Misa sentiasa didahului oleh perarakan yang lebih kecil di dalam bangunan Gereja. Ia masih mengekalkan banyak ciri



Perarakan mengingatkan kita akan ziarah kita ke Syurga.

yang sama dan juga menjadi isyarat simbolik yang mengingatkan umat beriman tentang perarakan atau “ziarah” mereka ke Syurga.

Katekismus Gereja Katolik menerangkan simbolisme rohani ziarah: Ziarah membangkitkan perjalanan duniawi kita ke syurga dan secara tradisinya merupakan acara yang sangat istimewa untuk pembaharuan dalam doa (KGK 2691).

Oleh itu, semasa anda menghadiri Misa, cuba menghayati perarakan masuk dan gunakannya sebagai peluang untuk menyediakan hati anda untuk apa yang akan berlaku dalam perayaan Ekaristi, memasuki dan menyertai “Perjamuan Anak Domba” mistik, di mana kita berharap untuk berada dan bersatu sepenuhnya dengan Tuhan untuk selama-lamanya.

**Mengapa setiap Gereja Katolik mempunyai Sakristi?**

Sakristi adalah bilik di mana paderi bersiap untuk

perayaan Misa. Di setiap Gereja Katolik, terdapat sebuah bilik di mana paderi akan membuat persiapan untuk perayaan Misa.

Bilik ini dipanggil *sacristy* atau sakristi yang berasal daripada perkataan Latin, *sacristia*, daripada akar kata “suci”.

*The Catholic Encyclopedia* meringkaskan apa yang terdapat di dalam bilik sakristi ini: Sebuah bilik di dalam Gereja atau yang bersambung dengannya, di mana pakaian, perabot Gereja dan seumpamanya, bejana suci, dan khazanah lain disimpan, dan tempat paderi bertemu dan mengenai pelbagai fungsi Gereja...

Adalah menjadi kebiasaan untuk mempunyai fon air suci dan loceng di pintu sakristi untuk memberi peringatan kepada kongregasi akan kedatangan paderi. Sakristi tidak diberkati atau dikuduskan bersama-sama dengan Gereja kerana ia bukanlah tempat suci dalam pengertian kanonik. — *Aleteia*

# Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik,  
Apakah yang membuatkan adik-adik gembira?

Anak antie sangat gembira jika dia dapat bermain telefon pintar seharian. Ada juga adik-adik yang sangat gembira jika dapat berkelah

atau camping pada hujung minggu.

Sebenarnya, sangat mudah untuk kita gembira. Bagaimana? Dengan selalu "tinggal" bersama Yesus.

Bagaimana untuk tinggal bersama Yesus? Adakah kita perlu ke syurga atau tinggal di Gereja?

Tinggal bersama Yesus bermakna kita selalu mendengar Sabda-Nya, merayakan Ekaristi, berdoa, membantu orang-orang yang memerlukan dan sekali sekala berpuasa untuk keamanan dunia.

"Jangan berharap pada sesuatu

yang tak tentu seperti kekayaan, melainkan pada Tuhan yang dalam kekayaan-Nya memberikan kepada kita segala sesuatu untuk dinikmati (1 Timotius 6:17).

Salam Sayang  
Antie Melly



Perkataan yang bergaris mengandungi ejaan yang salah. Betulkan dan salin semula petikan Kitab Suci di ruangan yang disediakan.

Tubuhmu adalah bita Roh Kduus yang miad di dalam kamu, Roh Kudus yang kamu peroleh dari uThan

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

(1 Kor 6:19)

Tuliskan nama empat pengarang Injil

M \_ T I \_ S

L \_ K \_ S

Y O \_ A \_ E \_

M \_ R \_ K U \_

MARKUS


LUKAS

MATIUS

YOHANES

Bantu John dan Peter mencari jalan ke Gereja.

CARI SEMBILAN PERBEZAAN PADA GAMBAR DI BAWAH.



# BELIA MILENIUM

## JANGAN BIARKAN IMPIAN ANDA DICURI!



LJUBLJANA, Slovenia: Bapa Suci Fransiskus telah menghantar ucapannya kepada orang muda yang bernaung dalam komuniti Taizé, semasa perhimpunan ke-46 mereka di di Ljubljana, Slovenia.

Perhimpunan ekumenikal belia dari pelbagai negara dan denominasi itu berlangsung pada Disember 28 hingga Januari 1 yang memberi tumpuan kepada tema "Perjalanan Bersama."

Pesanan Bapa Suci Fransiskus itu dibacakan oleh Setiausaha Negara Vatikan, Kardinal Pietro Parolin.

Bapa Suci menekankan peluang menjalani "pengalaman indah persahabatan dengan Tuhan dan dengan orang lain" di kalangan peserta belia sebagai sebuah Gereja dan komuniti.

Sebagai "Tubuh Tuhan Yang Bangkit hadir di dunia," orang muda dijemput untuk meneroka seni mendengar, tindakan cinta yang berpusatkan kepada iman kepercayaan kepada Kristus.

Dalam dunia di mana konflik dan peperangan yang terus tercetus kerana kurang mendengar, Sri Paus menggesa golongan muda "untuk berani membina dunia yang berbeza, dunia mendengar, dialog, dan keterbukaan."

Sri Paus menyedarkan cabaran bagi belia untuk berusaha ke arah transformasi kualitatif kehidupan kita dalam masyarakat serta mengelakkan semua bentuk tindakan yang meminggirkan, mengabaikan, menolak dan mengecualikan pelbagai kategori orang.

Dengan cara ini, orang muda boleh

menjadi pembina "budaya, dan agama, untuk dunia yang stabil dan terbuka," ujar Bapa Suci.

Prelatus itu menggalakkan para peserta muda tersebut untuk komited hidup seperti Yesus, yang tidak mengecualikan sesiapa sebaliknya mengiktiraf kehadiran Tuhan di kalangan mereka yang diabaikan oleh masyarakat.

Kardinal Parolin mengakhiri pesan Sri Paus dengan harapan dan percayanya kepada kaum muda bahawa, Gereja berharap serta percaya kepada anda untuk membina damai, keadilan dan cinta.

Jangan biarkan impian anda dicuri, dan gunakanlah bakat serta tenaga anda untuk membina masyarakat yang harmoni. — *media Vatikan*

## Perkongsian Belia Sabar menanti...



**B**ersyukur atas nafas baharu kurniaan Tuhan Sang Raja Semesta ini.

Dalam kesempatan hidup berjalan bersama Kristus, saya ingin mengongkikan penemuan perkara terindah saya pada tahun lepas iaitu "Kematian".

Pastinya ini sebuah penemuan yang ingin saya terokai sepanjang kehidupan fana ini. Selama ini, kematian sering menimbulkan rasa takut yang membelenggui jiwa saya.

Namun kepasrahan saya terhadap pemergian bapa tercinta pada Hari Minggu Suci Palma tahun lepas telah, mendorong saya untuk memikirkan tentang kematian.

Kepasrahan saya dipengaruhi oleh ajaran Gereja yang mengajak saya memandang kematian sebagai merupakan sebuah transformasi yang menjadi sarana paling indah untuk berjumpa dan bersatu kembali dengan Bapa di kehidupan baharu.

Saya tersentuh dengan kebesaran cinta kasih Tuhan Yesus menerusi penghayatan Paskah di mana Dia telah bangkit setelah wafat lalu, membawa manusia yang mempercayai-Nya menuju kepada kehidupan abadi.

Nescaya, kemenangan Yesus mengalahkan maut ini menjadi sumber kekuatan saya dalam berhadapan sang maut kelak.

Gereja juga memberikan kesempatan kepada kita untuk mengenang orang-orang yang telah mendahului kita sekaligus merenungkan tentang kematian menerusi Hari arwah.

Lalu, saya lebih menghargai dan menikmati kehidupan ini dengan penuh rasa bersyukur setelah menyelami erti sebuah kematian.

Alangkah indahnya kalender liturgi Gereja yang tersusun rapi di mana November merupakan akhir tahun liturgi, sebelum Gereja memasuki tahun liturgi yang baharu pada masa Adven iaitu sebelum merayakan kelahiran Kristus (Natal).

Maka sebelum mempersiapkan kedatangan Kristus, bacaan-bacaan Misa Kudus tentang akhir dunia mengingatkan saya tentang akhir hidup manusia yang harus saya persiapkan dalam persekutuan dengan Kristus.

Walaupun terlalu banyak hal peribadi yang perlu saya persiapkan, namun apa yang menyenangkan adalah setelah mengenali kasih Tuhan dan hidup didalam-Nya; kematian bukan sesuatu yang harus ditakuti namun didambakan.

Semoga kita yang masih mengembara di dunia ini, dapat perlahan-lahan berdamai dengan kepastian hidup bernama "kematian".

Selamat tahun baharu 2024. Semoga Tuhan memberkati kita semua. Amen. — Agnes Joseph, Katedral St Francis Xavier, Keningau

## Latihan Putera Altar bagi remaja luar bandar

SERIAN: Seramai 66 peserta dari lima kampung berbeza di Zon Bung Mako, Serian, menghadiri Bengkel Pelayan Altar di Gereja Katolik St Joseph, Kampung Seroban.

Program ini telah dikendalikan oleh Ketua Pelayan Altar Paroki St Theresa, Vincent Christopher bersama dua penceramah, Alvenloon Aaron Maurice Justin dan Kelvince Del Anak David.

Bengkel ini dianjurkan untuk melatih pelayan Altar di kampung-kampung yang bernaung di bawah Paroki Serian.

Para pelayan Altar ini diajar tentang asas-asas pelayanan putera Altar semasa Misa Kudus, liturgi Misa Kudus dan pelbagai simbol dalam Gereja Katolik.

— *Today's Catholic*



# Peperangan itu “kerja gila”

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus berdoa untuk keamanan di dunia dan bantuan mencukupi untuk mangsa perang seraya mengingatkan bahawa “perang adalah kegilaan” dan sentiasa “kekalahan” untuk manusia.

## Doa untuk mangsa perang

Berucap kepada para penziarah yang hadir bagi Audiensi Umum pertamanya untuk tahun 2024, Bapa Suci meminta doa untuk tragedi yang berlaku di Palestine, Israel dan Ukraine yang kini hampir tiga tahun.

Pada masa yang sama, Bapa Suci juga mengingatkan mangsa perang di banyak tempat lain di dunia, meminta agar kita tidak melupakan saudara-saudari kita misalnya Rohingya yang mengalami penganiayaan.

Ketika berucap kepada para penziarah dari Poland, Sri Paus menjemput umat beriman untuk mengingatkan orang-orang yang sedang berhijrah akibat peperangan dan kemiskinan, dan berdoa agar Tuhan “memberi kita hati yang peka terha-



Mangsa perang di Palestine.

dap keperluan orang miskin, pelarian dan mangsa perang.

“Melalui perantaraan Maria, Bonda Tuhan, saya memohon kepada Tuhan untuk memberikan damai sejahtera kepada semua mangsa peperangan dan konflik!”

Bapa Suci berdoa untuk mangsa dan penyelamat gempa bumi di Jepun, juga mengenang pekerja penyelamat yang terkorban dalam tragedi pelanggaran kapal terbang di Tokyo.

Gempa bumi mencecah anggaran magnitud 7.6 melanda semenanjung Noto pada hari Tahun Baru, menyebabkan kemusnahan yang ketara.

Uskup Agung Tarcisius Isao Kikuchi dari Tokyo menyatakan Gereja tempatan turut membantu mereka yang terjejas oleh gempa bumi serta telah mengaktifkan pasukan sokongan tindak balas kecemasannya yang bekerjasama dengan Caritas Jepun. — *media Vatikan*

## Kediktatoran di Nicaragua menyedihkan Bapa Suci

ROMA: Sri Paus Fransiskus berdoa untuk Nicaragua setelah beberapa paderi Katolik dan seorang Uskup ditahan sebelum tahun 2023 berakhir.

“Saya sangat prihatin dengan apa yang terjadi di Nicaragua, di mana para uskup dan paderi telah dirampas kebebasannya.”

Sri Paus Fransiskus menyampaikan keprihatinannya terhadap negara Amerika Latin pada Januari 1, 2024 semasa mendoakan Angelus pada Hari Raya Maria, Bonda Tuhan.

Berbicara setelah doa Maria, Sri Paus mengungkapkan “kedekatannya dalam doa kepada mereka, keluarga mereka, dan seluruh Gereja di negara itu.”

Prelatus itu juga mengajak seluruh umat Tuhan untuk ikut serta dalam “doa hening” bagi Nicaragua.


“Saya berharap kita selalu mencari jalan dialog untuk mengatasi kesulitan. Mari kita berdoa untuk Nicaragua hari ini,” tutupnya.

Pihak berwenang di Nicaragua telah menangkap 14 orang paderi, seorang Uskup dan dua orang seminarian sejak Disember, 2023.

Uskup Isidoro del Carmen Mora Ortega, dari Keuskupan Siuna, ditangkap pada Disember 20 setelah dia berdoa di depan umum untuk Uskup Rolando José Álvarez Lagos, Uskup Matagalpa.

Uskup Rolando dijatuhi hukuman 26 tahun penjara oleh penguasa Nicaragua atas tuduhan konspirasi, menyebarkan berita palsu, menghalang keadilan, dan menghina pihak berwenang.

Pada Disember 30, 2023, Kardinal Leopoldo José Brenes



Solórzano, Uskup Agung Managua, merayakan Misa di Katedralnya dan mengungkapkan kedekatannya “kepada keluarga dan komuniti Kristian yang sangat kekurangan paderi pada ketika ini di Nicaragua.”

“Persatuan Gereja,” katanya, “adalah kekuatan kita. Bersama Maria, ibu kita di kaki Salib, semoga Tuhan menghibur kita dan menunjukkan belas kasihannya.” — *media Vatikan*

## 20 misionari dibunuh sepanjang tahun 2023

TAKHTA SUCI: Dalam laporan tahunannya mengenai pembunuhan misionari Katolik sepanjang tahun ini, sebuah pejabat akhbar di Vatikan menghitung umat dibaptis yang dibunuh kerana iman mereka.

“Mereka yang terbunuh itu tidak melakukan tindakan sensasi atau tindakan di luar kebiasaan tetapi tetap menjadi sasaran mereka yang membenci penganut Kristian,” kata laporan itu.

“Mereka boleh sahaja pergi ke tempat lain, pindah ke tempat yang lebih aman, atau berhenti menjalankan komitmen Kristian mere-

ka tetapi tetap bertahan meskipun sadar akan bahaya yang mereka hadapi setiap hari,” tambahnya.

*Fides*, pejabat akhbar Lembaga Mision Kepausan yang bernaung di bawah Dikasteri Evangelisasi, melaporkan pada Disember 30, 2023 bahawa 20 orang pekerja pastoral dibunuh pada tahun 2023.

Mereka terdiri daripada seorang uskup, lapan orang paderi, dua orang brother, seorang seminarian, seorang novis dan tujuh orang awam.

*Fides* mengatakan jumlah yang terbunuh sedikit lebih tinggi dibandingkan tahun 2022, dengan

18 orang misionari yang terbunuh dalam kekerasan.

Dalam senarai tahun 2023, *Fides* memasukkan Uskup Aukstiler Los Angeles, David G. O’Connell, misionari Ireland yang pernah menjadi paderi kemudian menjadi uskup di Los Angeles selama 45 tahun.

Beliau merupakan salah seorang aktivis dan penasihat gigih bagi para imigran dan kaum terabai.

Uskup itu ditemui mati dalam bilik rumahnya pada Februari 18, 2023, setelah ditembak berkali-kali.

Penembaknya, Carlos Medina,

## Intensi Bapa Suci Fransiskus sepanjang tahun 2024

### Januari: Untuk anugerah kemajmukan dalam Gereja

Marilah kita berdoa agar Roh membantu kita mengenali karunia karisma yang berbeza dalam komuniti Kristian, dan untuk menemui kekayaan tradisi ritual yang berbeza di tengah-tengah Gereja Katolik.

### Febuari: Untuk pesakit di akhir kehidupan

Marilah kita berdoa agar orang sakit yang berada di peringkat akhir kehidupan, dan keluarga mereka, menerima rawatan dan iringan perubatan dan penjagaan manusia yang diperlukan.

### Mac: Untuk para martir baharu

Marilah kita berdoa agar mereka yang mempertaruhkan nyawa mereka untuk Injil di pelbagai tempat di dunia dapat menjwai Gereja dengan keberanian dan dorongan misionari mereka.

### April: Untuk peranan wanita

Marilah kita berdoa agar martabat dan nilai wanita diiktiraf dalam setiap budaya, dan untuk menamatkan diskriminasi yang mereka hadapi di pelbagai bahagian dunia.

### Mei: Untuk pembentukan lelaki dan wanita religius serta seminarian


Marilah kita berdoa agar lelaki dan wanita religius dan seminarian, bertumbuh dalam proses panggilan mereka sendiri melalui pembentukan manusia, pastoral, rohani dan komuniti, yang membimbing mereka menjadi saksi Injil yang boleh dipercayai.

### Jun: Bagi mereka yang meninggalkan tanah air

Marilah kita berdoa agar pendatang yang melarikan diri daripada peperangan atau kelaparan, yang terpaksa melakukan perjalanan yang penuh dengan bahaya dan keganasan, dapat dialu-alukan dan diberi peluang hidup baharu di negara penerima.

### Julai: Untuk pelayanan pastoral orang sakit

Marilah kita berdoa agar Sakramen Pengurapan Orang Sakit memberikan kekuatan Tuhan kepada mereka yang menerimanya dan kepada orang yang mereka sayangi, dan supaya ia menjadi tanda yang lebih jelas bagi setiap orang akan belas kasih dan harapan.



### Ogos: Untuk pemimpin politik

Marilah kita berdoa agar pemimpin politik berkhidmat untuk rakyat mereka sendiri, bekerja untuk pembangunan insan dan kebaikan bersama, menjaga mereka yang kehilangan pekerjaan dan memberi keutamaan kepada golongan miskin.

### September: Untuk tangisan bumi

Marilah kita berdoa agar setiap daripada kita mendengar dengan sepenuh hati tangisan Bumi dan mangsa bencana alam sekitar dan krisis iklim, membuat komitmen peribadi untuk menjaga dunia yang kita alami.

### Oktober: Untuk misi yang dipikul bersama

Marilah kita berdoa agar Gereja terus mengekalkan gaya hidup sinodal dalam segala hal, sebagai tanda tanggungjawab bersama, mempromosikan berpartisipatif, persekutuan dan misi yang dikongsi bersama oleh paderi, religius dan awam.

### November: Untuk mereka yang kehilangan anak

Marilah kita berdoa agar semua ibu bapa yang berduka atas kehilangan anak lelaki atau perempuan mendapat sokongan dalam komuniti mereka, dan boleh menerima ketenangan hati daripada Roh Penghiburan.

### Disember: Untuk penziarah harapan

Marilah kita berdoa agar Jubli ini menguatkan iman kita, membantu kita mengenali Kristus yang Bangkit di tengah-tengah kehidupan kita, mengubah kita menjadi penziarah harapan Kristian. — *CNA*



## AUDIENSI UMUM SRI PAUS FRANSISKUS BERSAMA KAUM AWAM

# Tanpa godaan, tidak ada siapa yang dapat diselamatkan

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus menyampaikan siri katekesisnya mengenai “kejahatan dan kebajikan” semasa Audiensi Umum Rabu.

Prelatus itu memfokuskan renungannya pada pertempuran rohani. Katanya kehidupan Kristian kita tidak pernah “linear atau tanpa masalah dan kita akan selalu bertempur dalam rohani tanpa henti!”

Dengan merujuk kepada minyak pertama yang diurapi pada orang Kristian semasa Pembaptisan, minyak itu tidak mengandungi wangian, seolah-olah mengumumkan bahawa “hidup adalah perjuangan.”

“Pengurapan pada katekumen adalah pemberitahuan jelas bahawa orang Kristian tidak terlepas daripada perjuangan,” katanya.

“Kewujudan kita, seperti orang lain, harus memasuki arena ini yang menghadapi ujian dan godaan berturut-turut.”

## Godaan dan berkat

Walau bagaimanapun, kata Sri Paus Fransiskus, godaan adalah peluang untuk membenarkan rahmat Tuhan bekerja dalam diri kita.

Seperti yang dikatakan oleh Sto Anthony, abbot pertama, “Tiada godaan maka tiada siapa yang akan diselamatkan.”

Bapa Suci berkata bahawa orang Kristian yang “membebaskan diri” daripada dosa mereka sendiri berisiko hidup dalam kegelapan kerana mereka tidak lagi dapat membezakan yang baik daripada yang jahat.

“Kita semua harus meminta Tuhan untuk rahmat mengenali diri kita sebagai orang berdosa yang miskin, yang memerlukan



Gambar file: Sri Paus Fransiskus bersama kanak-kanak dalam Audiensi Umum.

pertobatan, mengingat alam hati kita bahawa tidak ada dosa yang terlalu besar untuk belas kasihan Tuhan,” katanya.

## Cabaran dan belas kasihan

Bahkan Yesus, kata Paus Fransiskus, mempersembahkan diri-Nya untuk Pembaptisan walaupun Dia tidak berdosa, supaya kita dapat mengikuti teladan-Nya dan tidak pernah takut untuk meminta belas kasihan Tuhan.

Selepas Pembaptisan-Nya, Yesus pergi ke padang gurun di mana Dia telah digoda oleh Syaitan.

“Dia juga telah mengalami apa yang kita hadapi. Hidup ini terdiri daripada cabaran, ujian, persimpangan jalan, perselisihan, godaan tersembunyi, suara yang bertentangan.”

## Pertempuran rohani dan Roh Kudus

Sri Paus Fransiskus menjemput umat Kristian untuk terus berjalan meskipun sedang mengalami kesukaran dan cabaran.

“Kerenahan hati kita sering dicabar oleh keangkuhan; amal kita sering dicabar oleh kebencian dan sukacita kita sering dicabar oleh kesedihan. Jika kita menutup pintu hati kita maka kita menolak belas kasihan.”

“Pertempuran rohani bukan menjatuhkan kita sebaliknya membawa kita untuk melihat dengan teliti kejahatan yang merantai kita dan berjalan dengan rahmat Tuhan, menuju kebajikan dan Roh Kudus untuk berkembang dalam diri serta hidup kita,” ujar Sri Paus Fransiskus. — *media Vatikan*

## Petua untuk hidup gembira

Kita semua mahu bahagia... tetapi bagaimana kita boleh mencapainya di tengah-tengah pelbagai cabaran hidup?

Berikut ialah senarai garis panduan Kitab Suci yang bermanfaat untuk diikuti dalam mengejar kebahagiaan:

### 1. Jangan berharap pada kekayaan

Peringatanlah kepada orang-orang kaya di dunia ini agar mereka jangan tinggi hati dan jangan berharap pada sesuatu yang tak tentu seperti kekayaan, melainkan pada Tuhan yang dalam kekayaan-Nya memberikan kepada kita segala sesuatu untuk dinikmati.” — *1 Timotius 6:17*

### 2. Ucap syukur selalu

“Bersukacitalah senantiasa. Tetaplah berdoa. Mengucap syukurlah dalam segala hal, sebab itulah yang dikehendaki Tuhan di dalam Kristus Yesus bagi kamu.” — *1 Tesalonika 5:16-18*

### 3. Baharui peribadi

“Janganlah kamu menjadi serupa dengan dunia ini, tetapi berubahlah oleh pembaharuan budimu, sehingga kamu dapat membezakan manakah kehendak Tuhan: apa yang baik, yang berkenan kepada Tuhan dan yang sempurna.” — *Roma 12:2*

### 4. Kebenaran membawa sukacita

“Ingatlah kepada Tuhan; sepanjang umur

hidupmu jangan sampai berdosa dan melanggar perintah-perintah-Nya.

Hendaklah berbuat baik sepanjang hidupmu dan jangan menempuh jalan kelaliman. Sebab orang yang menjalankan kebenaran akan berhasil dalam segala usahanya.” — *Tobit 4:5-7*

### 5. Perisai kita

“Sebab Tuhan adalah matahari dan perisai; kasih dan kemuliaan Ia berikan; Ia tidak menahan kebaikan dari orang yang hidup tidak bercela.” — *Mazmur 84:11*

### 6. Bertahan

Berbahagialah orang yang bertahan dalam percubaan, sebab apabila ia sudah tahan uji, ia akan menerima mahkota kehidupan yang dijanjikan Tuhan kepada sesiapa. — *Yakobus 1:12*

### 7. Berbahagia tanpa melihat

Sekalipun kamu belum pernah melihat Dia, namun kamu mengasihi-Nya amu percaya kepada Dia, sekalipun kamu sekarang tidak melihat-Nya.

Kamu bergembira kerana sukacita yang mulia dan yang tidak terkatakan, kerana kamu telah mencapai tujuan imanmu, iaitu keselamatan jiwamu.” — *1 Petrus 1:8-9*

### 8. Ambil peduli

“Bersukacitalah dengan orang yang bersukacita, dan menangislah dengan orang yang menangis!” — *Roma 12:15*

### 9. Hari baik, Hari malang

“Pada hari baik bergembiralah, tetapi pada hari malang ingatlah, bahawa hari malang ini pun dijadikan Tuhan seperti hari baik.” — *Pengkhotbah 7:14*

— *Aleteia*



Orang yang selalu mengusahakan kebaikan akan bahagia — *Amsal 12:20*

## PENULIS BERKICAU

## Mengglobalisasikan solidariti

Setiap kali pertemuan keluarga, pemandangan Sanak-anak muda yang asyik dengan telefon pintar mereka, sudah menjadi normal.

Sebenarnya, bukan sahaja anak-anak muda, orang dewasa malah warga emas juga, semakin asyik membelek telefon pintar masing-masing.

Namun bezanya antara penggunaan media baharu di antara warga matang dan anak-anak muda ialah jaringan informasinya.

Warga yang matang biasanya lebih banyak mengikuti whatsapp, meneroka jaringan-jaringan sosial, menonton video dan membaca.

Anak-anak muda pula secara umumnya, lebih suka bermain *online games* di mana mereka boleh bermain serta berinteraktif dengan rakan-rakan maya mereka.

Media baharu adalah media yang terbentuk daripada interaksi antara manusia dengan komputer dan Internet secara khususnya.

Media baharu ini terdiri daripada laman web, blog, *online social network*, *online forum* dan lain-lain yang menggunakan komputer mahupun telefon pintar.

Internet memiliki sifat-sifat yang luar biasa. Internet bersifat instan, mendunia, interaktif, berkembang tanpa batas dalam hal isi dan jangkauan, fleksibel dan sangat adaptif.

Internet dapat memberikan sumbangan yang sangat berharga bagi kehidupan manusia, dapat meningkatkan kemakmuran dan kedamaian, pertumbuhan intelektual dan estetika.

Malah, Internet juga dapat membantu lelaki dan wanita Katolik dalam pencarian mereka terus-menerus untuk memahami diri sendiri.

Setiap kita, selalu diterpa atau mengajukan pertanyaan-pertanyaan dasar seperti, “Siapakah aku?”, “Di manakah Tuhan ketika ini?”, “Benarkah Tuhan mendengar doa-doa ku?”

Internet boleh membantu Gereja menawarkan satu-satunya jawaban yang benar-benar memuaskan terhadap pertanyaan terdalam tentang kehidupan — Yesus Kristus.

Saya terinspirasi dengan seruan Sri Paus Fransiskus yang menyeru “Mengglobalisasikan Solidariti” melalui Internet.

Bapa Suci Fransiskus, 87, tidak putus-putus menyampaikan pesan agar memartabatkan maruah dan kesucian hidup yang wujud dalam diri setiap insan.

Di bidang apa pun, manusia berkomitmen untuk memperbaiki dan meningkatkan kondisi hidupnya di bumi apatah lagi dengan kehadiran kehebatan ilmu pengetahuan mutakhir dan penemuan-penemuan teknologi yang mengagumkan.

Dalam pandangan inilah dengan tepat ditempatkan peranan Internet dalam membantu pertukaran pemahaman ilmiah antara manusia dan memperkuat komitmen kerjasama serta memartabatkan manusia.

Sesungguhnya, setelah Tuhan menjadikan manusia sesuai dengan gambar-Nya, Dia juga memberikan kesempatan kepada manusia untuk berpartisipasi dalam kuasa penciptaan-Nya untuk membangun kerajaan-Nya di dunia.

Semoga pada tahun baharu 2024 ini, Gereja melalui bantuan Internet dapat membawa lebih ramai umat mengalami perjumpaan dengan Tuhan!

## KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

## Rumah terbuka Krismas Uskup Cornelius, pupuk keharmonian

KENINGAU: Pelbagai umat daripada pelbagai agama, denominasi dan bangsa menghadiri Perayaan Rumah Terbuka Krismas Keuskupan Keningau pada Disember 28 lalu.

Kelihatan, Bapa Uskup Cornelius Piong berada dalam perayaan itu sebelum jam 10.00 pagi untuk menyambut mereka



Rumah Terbuka Krismas Keuskupan Keningau memberi kesempatan merapatkan lagi persahabatan dengan penganut berlainan iman. (Gambar/Didi KOMSOS)

yang hadir.

Antara mereka yang hadir ialah para klerus Keuskupan Keningau, Fr Ferdinandus dari Keuskupan Sintang, Indonesia yang sedang bercuti di Keuskupan Keningau dan para religius serta para seminarian dari Keuskupan Keningau.

Perayaan Krismas Terbuka ini mengamalkan konsep “seder-

hana” iaitu memastikan pengambilan makanan dan minuman yang sederhana, menghabiskannya terlebih dahulu sebelum mengambilnya semula bagi mengelakkan pembaziran.

Rumah Terbuka Keuskupan Keningau diserikan dengan persembahan-persembahan dari para belia dari paroki dan naungannya.

Uskup Cornelius Piong kelihatan sibuk melayani tetamu dan bergambar bersama.

“Terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini. Semoga Rumah Terbuka ini memberi kita semangat untuk berjalan bersama khususnya pada tahun baharu, 2024,” ucap Uskup Cornelius kepada semua yang hadir. — *Juanis bin Marcus*

## Keuskupan Sibu lancar Tahun Minyak dan Pengurapan

SIBU: Uskup Gereja Roman Katolik Sibu, Joseph Hii menyeru semua umat Katolik untuk menjadi berkat kepada dunia.

Dalam homilinya semasa Hari Raya Maria, Bonda Tuhan di Katedral Hati Kudus pada permulaan tahun 2024, prelatus itu mengatakan, “Tuhan akan sentiasa memberi berkat kepada semua orang dan pada masa yang sama, mereka dipanggil untuk menyampaikan berkat kepada dunia.

“Berkat Tuhan akan sentiasa tercurah kepada kita seperti hujan dan salji ke atas bumi, tetapi kita tidak boleh menyimpan berkat itu untuk diri kita sendiri,” tegas Uskup Joseph Hii.

“Sebagai anak-anak Tuhan, kita mewarisi semua berkat daripada Tuhan. Apabila kita menerima berkat, kita mesti menjadi berkat dan membawa keamanan kepada seluruh dunia,” katanya.

Selepas Misa Kudus, Uskup Joseph Hii juga melancarkan Tahun Minyak dan Pengurapan yang memasuki tahun kelapan bagi perayaan satu dekad Keadilan Penciptaan untuk Keuskupan Sibu dari 2017 hingga 2026.

Bapa Uskup Joseph Hii berkata sepanjang dekad Penciptaan Keadilan, setiap tahun, Keuskupan Sibu mempunyai satu elemen untuk diraikan dan dijaga.

Katanya, pada tahun “Minyak dan Pengurapan” dipilih kerana dalam sejarah, minyak adalah lambang kekayaan dan sangat berharga sehingga digelar sebagai “emas cair”.

“Apa sahaja minyak adalah sangat berkhasiat, dan ia akan memberi kita kekuatan,” katanya.

Prelatus itu menjelaskan bahawa daripada tujuh Sakramen di Gereja, terdapat empat Sakramen yang menggunakan minyak iaitu



Sakramen Pembaptisan, Pengutusan, Pentahbisan Imam dan Pengurapan Orang Sakit.

“Anda dan saya, melalui pembaptisan telah diurapi minyak Krisma; minyak Krisma yang sama digunakan untuk mentahbis paderi dan minyak Krisma yang sama untuk menguduskan Uskup.

“Jika minyak yang sama yang digunakan untuk membaptis kita, maka siapakah kita? Jangan hanya memandang tinggi kepada paderi dan Uskup, lihatlah, diri anda juga diurapi minyak Krisma, minyak paling suci pada kepala anda,” katanya.

Uskup Joseph juga mengatakan bahawa dalam Kitab Suci, minyak digunakan untuk mengurapi raja dan semasa melantik seorang pemimpin.

Ketua Keuskupan Sibu itu juga mengingatk-

kan tentang krisis alam yang memberi kesan hebat terhadap kesihatan manusia, ekonomi dan sumber alam.

Katanya, manusia gagal menjalankan tanggungjawabnya sebagai penjaga bumi. Sebagai umat Tuhan, kita perlu mengubah cara hidup kita. Tindakan-tindakan kecil seperti tidak membuang sampah merata-mata, berjimat dalam penggunaan elektrik, menyimpan air hujan untuk tanaman atau sekadar berhenti sejenak untuk merenung keindahan Tuhan — dapat membantu mengurangkan krisis iklim.

Selepas Misa Kudus, umat menyertai ‘Walk for Peace’ dan aktiviti mengutip sampah (plogging) di Jalan Tong Sang, Jalan Wong King Huo, Jalan Aman dan kembali ke katedral.

## Dedikasi semula Katedral St John

KUALA LUMPUR: Katedral *St John the Evangelist* didedikasi semula pada Disember 27, 2023 sempena hari perayaan *St John the Evangelist*, penaung paroki.

Misa dipimpin oleh Uskup Agung Julian Leow dan paderi paroki Fr Gerard Theraviam serta Fr Gnana Selvam Berentis dan 12 orang paderi lain.

Pada Februari 10, 2023, sebahagian siling di katedral runtuh akibat serangan anai-anai. Ini memaksa katedral untuk menutup pintunya buat sementara waktu. Selama berbulan-bulan Misa Hari Minggu diadakan di Chapel Convent Bukit Nanas Chapel, manakala Misa Harian diadakan di rumah paroki.

Dedikasi semula Katedral juga disebabkan pelbagai penambahbaikan misalnya ambo baharu, warna cat yang lebih ceria, sistem bunyi dan lampu.

